

KULIAH ZOHOR

“Memudahkan Manusia Melakukan Ibadah”

Masjid Maarof | 30 Mei 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

وَعَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَقَفَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ, فَجَعَلُوا يَسْأَلُونَهُ, فَقَالَ رَجُلٌ: لَمْ
أَشْعُرْ, فَحَلَقْتُ قَبْلَ أَنْ أُذْبِحَ. قَالَ: " إِذْبِخْ وَلَا حَرَجَ " فَجَاءَ آخَرُ, فَقَالَ: لَمْ
أَشْعُرْ, فَتَحَرْتُ قَبْلَ أَنْ أُزِمِي. قَالَ: " لِزِمِ وَلَا حَرَجَ " فَمَا سُئِلَ يَوْمَئِذٍ عَنْ
شَيْءٍ قَدِيمٍ وَلَا أُخِرٍ إِلَّا قَالَ: " اِفْعَلْ وَلَا حَرَجَ "

Terjemahan Hadith

- Abdullah b. Amr B. Al-`As berkata bahawa Rasulullah s.a.w, ketika melakukan haji wida', berdiri di Mina sedang orang-orang bertanya padanya. Seorang bertanya: Aku tidak mengerti lalu aku cukur sebelum menyembelih. Jawab Nabi s.a.w: Sembelihlah dan tidak mengapa (berdosa). Dan orang lain bertanya: Aku tidak mengerti, maka aku menyembelih sebelum melempar. Jawab Nabi s.a.w: Lemparlah dan tidak apa-apa. Maka pada saat itu ditanya tentang sesuatu yang diajukan atau diundurkan melainkan dijawab: Berbuatlah dan tidak apa-apa (dosa). (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadith

1. Memudahkan amalan agama dengan meraikan kepelbagaian manusia dan membenarkan kepelbagaian dalam persoalan furu' (cabang).
2. Muslim tidak mempunyai kuasa tasyri' seperti Rasulullah s.a.w untuk menentukan apa yang boleh dan tidak boleh dalam amalan agama tetapi semangat yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w boleh dicontohi.

3. Contoh penghayatan ialah dengan menawarkan kepada mereka yang bermasalah pandangan ulama yang berbeza dalam persoalan yang wujud khilaf ulama sesuai dengan konteks pihak yang berkenaan.
4. Membuat pihak yang mempunyai masalah merasa rahmat dari keluasan dan keanjalan Islam hasil dari khilaf ulama yang ada.
5. Hendaklah sentiasa peka akan kepelbagaian manusia.

6. Kepelembagaan menyebabkan satu huraian sahaja tidak mungkin sesuai untuk semua
 - hendaklah sentiasa berusaha menyediakan huraian yang pelbagai sesuai dengan kepelembagaan manusia.
 - dapat dilihat dalam pelbagai syariat yang diturunkan dalam Al-Quran
 - contoh: Allah menyatakan hukum puasa dan haji bagi pelbagai pihak dalam yang berada dalam situasi yang berbeza (Al-Baqarah : 183-185, 196-203).

7. Jika dalam persoalan ibadah, Islam memberi keluasan dan meraikan kepelembagaan
 - keterbukaan kepada kepelembagaan lebih diperlukan lagi dalam persoalan keduniaan seperti dakwah, selama mana terdapat dasar mengenainya.

KULIAH ZOHOR

“Haram, Halal, Syubhat Dan Yang Didiamkan”

Masjid Maarof | 30 Mei 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

الْحَلَالُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنَ، وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى
الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِزِّضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَّاعٍ يَزْعَى حَوْلَ
الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ. أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ
مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ
فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ. أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Terjemahan Hadith

- Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud

“Apa yang halal adalah jelas dan apa yang haram juga telah jelas. Di antara keduanya perkara-perkara yang samar-samar (syubhat) yang tidak diketahui oleh ramai manusia. Sesiapa yang memelihara diri dari syubhat, sesungguhnya dia telah memelihara agama dan maruahannya dan sesiapa yang jatuh dalam syubhat, sesungguhnya dia telah jatuh dalam perkara yang haram. Seumpama seorang pengembala yang mengembala di sekitar kawasan larangan. Adalah dikhuatiri dia akan mencerobohnya.....

-Sesungguhnya setiap raja mempunyai kawasan larangannya dan kawasan larangan Allah ialah larang-larangannya. Ketahuilah, di dalam tubuh (manusia) terdapat seketul darah. Jika ia baik, maka baiklah seluruh badan dan jika ia rosak, maka rosaklah juga seluruh badan. Ketahuilah bahawa ia adalah hati.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Matn (Teks) Hadith

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ
عَافِيَةٌ فَأَقْبِلُوا مِنَ اللَّهِ عَافِيَتَهُ فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ نَسِيًّا ». ثُمَّ تَلَا هَذِهِ الْآيَةَ

﴿ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴾ [مریم: 64]

Terjemahan Hadith

- Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud,

“Apa yang Allah telah halalkan dalam kitabNya, ia adalah halal. Apa yang Allah telah haramkan, ia adalah haram. Apa yang Dia berdiam diri mengenai satu perkara, ia adalah satu kemaafan (keringanan). Maka terimalah kemaafan (keringanan) dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak akan selama-lamanya lupa. Rasulullah s.a.w kemudian membaca: ‘Dan tidaklah Tuhan kamu itu lupa.’ (Maryam: 64)” (Riwayat Al-Hakim dan Al-Bazzar. Rujuk hadiths yang seumpamanya dalam ke hadiths ke 30 dari Hadiths 40 An-Nawawi)

Pengajaran Hadith

1. Membezakan perkara yang dinamakan halal, perkara yang dinamakan haram, perkara yang dinamakan syubhat dan ada perkara pula yang dinamakan al-maskut anhu (yang didiamkan oleh syara').
2. Dakwah bukan hanya untuk menghalalkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah taala, mengharamkan apa yang diharamkan, memberi peringatan mengenai syubhat tetapi juga membenarkan perkara-perkara yang didiamkan oleh Allah taala bagi keringanan manusia.

3. Dasar bagi kaedah yang dipegangi oleh jumbuh ulama, kecuali mazhab Hanafi, bahawa asal hukum bagi perkara yang bukan ibadat adalah halal kecuali ada dalil yang sebaliknya.
4. Kewajiban untuk mendasarkan setiap sesuatu yang dilakukannya atas dalil Al-Quran dan Sunnah, itu tidak bermakna bahawa perkara bukan ibadat yang tidak ada dalam Al-Quran dan Sunnah itu semestinya haram dilakukan.
5. Apabila melihat sesuatu tindakan yang bukan bersifat ibadat yang tidak diketahui dalilnya dalam Al-Quran dan Sunnah, beban untuk membuktikan perkara itu haram dilakukan ialah atas orang itu.

6. Melakukan yang sebaliknya, yaitu menyerang perbuatan berkenaan dan menuntut pihak berkenaan pula untuk mempertahankan perbuatannya dengan dalil, adalah salah.

7. Menghalalkan apa yang diharamkan, mengharamkan apa yang dihalalkan, berlengah terhadap perkara yang syubhat, menidakkan orang ramai dari keringanan dan keluasan yang diberikan oleh Allah taala dalam perkara yang didiamkan, semuanya adalah kekejian yang perlu ditinggalkan oleh para pendakwah.